

18 APR 2003

LEAD MAHATHIR-PERUBAHAN/I

KEPERLUAN UNTUK PERUBAHAN STRATEGIK DALAM PEMIKIRAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah & Yong Soo Heong

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa kedua-dua sektor awam dan swasta agar tidak bergantung semata-mata kepada insentif dan penolakan cukai daripada pakej rangsangan untuk memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mapan tetapi membuat perubahan strategik untuk mengatasi kelemahan ekonomi dan memastikan pulangan jangka panjang yang berterusan.

Perdana Menteri berkata pakej rangsangan yang akan diumumkan Kerajaan hanya bertujuan menjana kegiatan perniagaan memandangkan keadaan kesukaran ekonomi berikutan perang di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan sebelum ini penurunan global akibat tragedi serangan pengganas 11 September.

"Terdapat keperluan bagi perubahan minda di mana mereka perlu mula menyelesaikan masalah sendiri dalam masyarakat bagi kepentingan mereka sendiri dan juga ekonomi negara," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, kepada Bernama dalam satu temubual di kediaman rasminya Seri Perdana, di sini, hari ini.

Perdana Menteri, yang ketika ini masih lagi bercuti selama dua bulan baru sahaja pulang dari Jepun awal minggu ini dan dijangka berlepas ke Eropah minggu depan.

Apabila ditanya sama ada Malaysia, sebagai pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), mungkin menjadi mangsa Amerika Syarikat kerana begitu lantang menentang pencerobohan ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata, "kita perlu cuba menjaga diri kita sendiri."

Mengenai bayangan bahawa Amerika Syarikat yang telah mempamerkan kekuatan ketenteraannya secara unilateral mungkin mengambil tindakan yang sama ke atas ekonomi dunia dengan mengawal Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), beliau berkata petanda-petandanya masih belum kelihatan.

Bagaimanapun, beliau merasakan Amerika Syarikat mungkin menggunakan taktik sedemikian dan mengenakan sekatan "sekiranya kita tidak bersetuju dengan permintaan mereka."

"Kita tidak tahu apa yang akan berlaku," katanya.

Dr Mahathir, dalam menyebut contoh bagaimana agensi pelancongan tempatan yang terjejas berikutan kemerosotan kedatangan pelancong dari Hong Kong akibat wabak SARS boleh melibatkan perubahan minda, berkata mereka sebaliknya perlu mengalih perhatian kepada negara-negara lain untuk menarik pelancong ke Malaysia.

Beliau juga mencadangkan industri Malaysia mempelbagai kegiatan mereka untuk memasukkan aktiviti baru sejajar dengan permintaan pasaran seperti mengkhususkan dalam Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) dan menggabungkan proses berasaskan pengetahuan ke dalam operasi mereka. --

"Kita perlu menekankan kepada bahagian tertentu dalam ekonomi yang boleh digunakan untuk terus dikembangkan tetapi untuk berbuat demikian, kita perlu mengubah hala tuju kita.

"Dalam hal pakej rangsangan, sektor swasta pastinya berharap kepada insentif dan penolakan cukai, tetapi bergantung kepada insentif dan potongan cukai berkesan bagi tempoh jangka pendek dan ia bukan cara untuk menangani masalah," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai perubahan strategik yang perlu diambil, Dr Mahathir menyebut contoh iaitu langkah yang diambil dalam evolusi ekonomi Malaysia pada permulaan era ketika ia mahu mempelbagaikan

ekonomi daripada terlalu bergantung kepada timah dan getah disebabkan harganya yang lemah, adalah meneroka secara besar-besaran dalam sektor minyak sawit bagi mengekalkan perolehan negara.

Sekiranya ekonomi terus bergantung kepada timah ketika komoditi itu semakin berkurangan, Malaysia tidak akan lagi menjadi efisien dan produktif, katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan sering memberikan banyak insentif kepada sektor swasta tetapi apa yang lebih penting bagi perniagaan adalah untuk beralih daripada bahagian tradisional dan meneroka aktiviti baru dengan potensi dan pulangan pendapatan yang lebih baik.

Beliau yang menggesa perniagaan Malaysia agar tidak terlalu bergantung kepada kerajaan atau menjangkakan kerajaan akan membantu setiap kali mereka terjerumus dalam masalah, berkata, mereka perlu berhenti daripada bersikap tidak bertanggungjawab memandangkan perubahan dalam ekonomi global ketika ini.

Menyentuh mengenai usaha untuk menarik pelaburan langsung asing (FDI) yang merupakan sebahagian daripada langkah mengukuhkan perolehan negara, Dr Mahathir berkata perniagaan Malaysia sepatutnya tidak memberi layanan buruk kepada pelabur-pelabur dan bersikap baik dengan mereka sekiranya mengharapkan FDI terus kekal. 8

Dr Mahathir berkata ramai pelabur dari Asia Barat yang mempunyai banyak dana yang boleh dilabur tetapi Malaysia perlu berusaha keras untuk menarik mereka melabur dalam bahagian seperti perbankan dan produk Islam.

Beliau berkata pameran bergerak untuk memperkenalkan produk dan perbankan Islam Malaysia dan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan berkaitan instrumen kewangan Islam akan diteruskan selepas perang di Iraq.

Apabila ditanya sama ada terdapat pemerhatian berguna sepanjang perjalanannya ke luar negara ketika percutiannya, beliau berkata, "banyak perkara yang perlu belajar, buku nota saya penuh."

Beliau berkata beliau banyak membuat pemerhatian daripada lawatannya ke kilang-kilang dan tempat lain mengenai bagaimana orang luar menjalan kegiatan tertentu untuk meningkatkan ekonomi mereka.

"Bagaimanapun untuk mencapai semua ini, persoalannya adalah: adakah kita bersedia untuk berubah? jika tidak semua pemerhatian itu tidak akan mendatangkan apa-apa hasil," tegas Dr Mahathir. -- BERNAMA

MR SD SHY ZK